

Lebih 90 peratus premis dandanan, gunting rambut patuh SOP



ALEXANDER. FOTO Danial Saad

Nur Izzati Mohamad
am@hmetro.com.my

TAHAP pematuhan prosedur operasi standard (SOP) kedai dandanan dan gunting rambut seluruh negara melebihi 90 peratus sejak dibenarkan beroperasi ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Alexander Nanta Linggi berkata, pihaknya sentiasa melakukan pemeriksaan ke premis perniagaan itu melalui Ops Catut 7.0.

Katanya, walaupun tiada aduan diterima, penguat kuasa KPDNHEP sentiasa membuat pemantauan dan pemeriksaan pematuhan SOP serta harga perkhidmatan yang ditawarkan.

"Setakat ini, lebih 90 peratus kedai dandanan dan gunting rambut mematuhi SOP yang ditetapkan bahkan pelanggan juga dilihat sudah membiasakan diri dengan keadaan normal baharu," katanya.

Beliau berkata demikian ketika sidang media selepas mengadakan lawatan di syarikat logistik di Jalan Permatang Nibong, Bukit Mertajam, hari ini.

Sebelum itu, beliau turut melawat sebuah syarikat pemborong barangan runcit seperti bawang, cili kering dan ubi kentang.

Jelasnya, sehingga hari ini sebanyak 551 premis dandanan dan gunting rambut di seluruh negara diperiksa.

"Melalui pemeriksaan itu, 788 notis di bawah Seksyen 21 Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 serta 17 notis amaran dikeluarkan kepada pengusaha dandanan dan kedai gunting rambut," katanya.

Menurutnya, tiada lagi premis dandanan dan gunting rambut diarahkan tutup kerana tidak mematuhi SOP.

Sementara itu katanya, beliau akan mengadakan pertemuan dengan persatuan penternak ayam di pejabatnya esok.

Katanya, pertemuan itu akan membincangkan perkara berkaitan bekalan dan harga ayam yang mula naik di pasaran.

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/06/592060/lebih-90-peratus-premis-dandanan-gunting-rambut-patuh-sop>

Artikel ini disiarkan pada : Ahad, 21 Jun 2020 @ 3:42 PM

